

# JABATAN PERTANIAN SARAWAK



## NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
DOA/HQ-SM.7/400-12/3/23(ARC)	Tender For Grass-Cutting Work at Agriculture Research Centre Semongok, Department of Agriculture Sarawak For The Year 2020	Kelas – D & E Kepala – VI Sub kepala – 5(b)	RM50.00	20/11/2019 (Rabu)	20/11/2019 (Rabu) 12.00 tengahari

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SESALINAN LESEN UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), LESEN PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan), **LESEN PERNIAGAAN, LESEN PENDAFTARAN DAN SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** yang dibayar atas nama Kerajaan Negeri Sarawak.
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **07/11/2019** hingga **20/11/2019** pada waktu pejabat di alamat **Jabatan Pertanian Sarawak, Ibu Pejabat, Tingkat 16, Menara Pelita, Petra Jaya, Jalan Tun Abang Muhammad Salahuddin, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.**

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan Nombor dan Tajuk Tender. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Pengerusi  
Lembaga Tender Negeri  
Peringkat Bahagian Kuching,  
d/a PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN KUCHING  
Aras 7, MAJMA Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah,  
Lorong P. Ramlee 5, Off Jalan P. Ramlee, 93400 Kuching.**

6. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
8. Iklan Tender ini juga boleh diperolehi di dalam laman web Jabatan Pertanian Sarawak dan e Tender Notice. Sila layari [www.doa.sarawak.gov.my](http://www.doa.sarawak.gov.my) atau [www.etendernotice.sarawak.gov.my](http://www.etendernotice.sarawak.gov.my)
9. Tarikh lawatan tapak adalah pada 18/11/2019 (Isnin) jam 10.00 pagi.



.....  
**DR. ALVIN CHAI LIAN KUET**

**Pemangku Pengarah Pertanian Sarawak**